

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 16 MAC 2016

SOALAN :

YB. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan potensi Malaysia dalam meraih pendapatan Negara berikutan dasar baharu Kerajaan membenarkan pelancong dari China masuk tanpa memerlukan visa mulai 1 Mac 2016 hingga 31 Disember 2016

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar baharu Kerajaan telah membenarkan pelancong dari Negara China memasuki Malaysia tanpa visa berkuatkuasa pada 1 Mac hingga 31 Disember 2016. Para pelancong diberi pengecualian visa bagi tempoh lawatan tidak melebihi 15 hari, manakala kemudahan e-visa diberikan bagi tempoh lawatan tidak melebihi 30 hari. Pelaksanaan e-visa ini telah dilancarkan di Beijing, China pada 1 Mac 2016 oleh YB. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Dasar baharu ini juga berpotensi dalam meningkatkan jumlah kedatangan pelancong China ke negara ini dengan pertambahan banyak penerbangan biasa antaranya adalah penyambungan semula penerbangan Air China bagi laluan Beijing – Kuala Lumpur bermula pada 25 Oktober 2015. Air Asia juga telah memperkenalkan penerbangan terus laluan Guangzhou – Langkawi pada 24 Januari 2016 dengan kekerapan empat (4) kali seminggu yang dijangka dapat melonjak potensi Langkawi khusus bagi pasaran China. Jumlah penerbangan terus dari Negara China ke Malaysia adalah sebanyak 90 penerbangan seminggu yang terdiri daripada penerbangan Malaysia Airlines, Air Asia dan lain-lain syarikat penerbangan.

Melalui program penerbangan sewa khas (*charter flights*) bagi pasaran China, sebanyak 119 penerbangan telah beroperasi pada tahun 2015 dengan kapasiti penumpang seramai 18,217 orang. Bagi Januari

hingga Februari 2016, sebanyak sembilan (9) penerbangan direkodkan dengan jumlah penumpang seramai 1,595 orang.

Kepelbagaian daya tarikan yang ada di negara ini juga turut menjadi pemangkin dalam meningkatkan kedatangan pelancong seterusnya menjana pendapatan negara. Malaysia mempunyai banyak tarikan pelancongan seperti pulau-pulau peranginan, keunikan makanan dan kebudayaan serta pusat membeli-belah yang bertaraf antarabangsa.

Bagi tahun 2013, jumlah kedatangan pelancong China ke Malaysia adalah seramai 1,791,423 orang, manakala tahun 2014 mencatatkan jumlah pelancong seramai 1,613,355 orang. Jumlah ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak empat (4) peratus pada tahun 2015 iaitu seramai 1,677,163 orang. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mensasarkan seramai 2,026,000 ketibaan pelancong dari negara China pada tahun 2016 dan jumlah ini disasarkan meningkat kepada lapan (8) juta pelancong dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia turut mensasarkan pelancong dari negara China menyumbang sebanyak RM7.1 bilion kepada pendapatan pelancongan negara pada tahun 2016 berbanding RM5.7 bilion yang diperolehi pada tahun 2015. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat selaras dengan pertambahan bilangan pelancong dari China.

Sekian, terima kasih.